

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1-2

RUANGAN :

Bangkit, sekali lagi kita berjuang

“Kepada semua petugas barisan hadapan kita sedang berdepan dengan peperangan yang besar di hadapan kita. Biar pun sering tidak cukup tidur dan keletihan yang kronik. Sapulah air matamu, bangkit dan ayuh sekali lagi kita berjuang menandatangani kembali lekuk jangkitan COVID-19”

*Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan*

Muka 5

Semua IPT sedia aktifkan kelas dalam talian susulan penangguhan pendaftaran pelajar baharu

Muka 6



Masjidilharam kembali dibuka dengan ketibaan kumpulan pertama umrah

Muka 40

Terkini COVID-19 67 pulih, dibenar keluar hospital, semalam | 293 kes baharu disahkan, semalam | 137 jumlah kematian dicatat | 12,381 jumlah kes disahkan positif | 1,961 kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1-2

RUANGAN :

MukaDua

Pusat kuarantin, rawatan COVID-19 sedia diaktifkan

Kota Tinggi: Kementerian Kesihatan (KKM) bersedia mengaktifkan semula semua pusat kuarantin dan rawatan COVID-19 seluruh negara jika kes aktif terus mencatatkan peningkatan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia membabitkan 36 pusat kuarantin dengan kapasiti 3,467 katil, antaranya Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) seluruh negara dan Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) yang membabitkan pesakit di Lembah Klang.

"Sekiranya ada pertambahan kes aktif yang drastik, kementerian akan berbincang dengan ILKKM seluruh negara untuk membuka semula pusat kuarantin dan rawatan COVID-19 bagi menempatkan pesakit berisiko rendah.

"Sebanyak 36 ILKKM bersedia diaktifkan dan beroperasi bagi menempatkan pesakit COVID-19. Jika kes aktif terus bertambah, kita akan terus aktifkan pusat yang lain di seluruh negara kerana persediaan sudah dibuat berikutan pengalaman kita pada gelombang pertama dan kedua," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penutup sesi Town Hall Pembudayaan Norma Baharu Dalam Komuniti Bagi Mencegah Penularan COVID-19 di Desaru, dekat sini, semalam.

Dr Adham berkata, hospital seluruh negara juga bersedia menerima pesakit jika kes aktif COVID-19 terus mencatatkan lonjakan.

"Kita ada 118 hospital di seluruh negara, 40 daripadanya dijadikan hospital COVID-19. Baki hospital berkenaan akan turut dijadikan pusat kuarantin dan rawatan COVID-19 jika angka kes aktif mencatatkan lonjakan luar biasa," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, KKM bekerjasama dengan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) bagi meningkatkan sistem pemantauan pandemik COVID-19 supaya tindakan lebih pantas dapat diambil untuk mencegah penularan virus itu, sekaligus membantu negara merangka pelan keluar secara berkesan.

"Dua faktor penting menjadikan kaedah pengesanan COVID-19 di negara kita antara terpentas, iaitu kebijaksanaan petugas barisan hadapan mengesan kes aktif, selain kesediaan dan kemampuan makmal menguji sampel wabak dengan pantas.

"Apa pun, secara dasar, kerajaan bersetuju dengan saranan pakar epidemiologi dan wabak negara yang menyarankan sistem pemantauan pandemik COVID-19 dipertingkatkan melalui kerjasama KKM dan WHO supaya kita lebih bersepadu," katanya.

Dr Adham berkata, sejumlah 16,000 hingga 20,000 sampel COVID-19 diuji dan diproses sehari susulan pertambahan kes di Sabah, Kedah dan Lembah Klang, selain mereka yang pulang dari kawasan berisiko tinggi.

"Sebanyak 58 makmal di seluruh negara mempunyai keupayaan menjalankan ujian sampel sehingga 39,000 sehari," katanya.



BERITA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

BH ISNIN, 5 OKTOBER 2020

5

Nasional

Penularan COVID-19

'Bangkit, sekali lagi kita berjuang'

Dr Noor Hisham tiup kata-kata semangat petugas sedia perangi wabak

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: "Kepada semua petugas barisan hadapan, kita sedang berdepan peperangan sangat besar dan negara bergantung kepada kita semua.


"Biar pun sering tidak lena tidur dan keletihan yang kronik, sapulah air matamu, bangkitlah, ayuh sekali lagi kita berjuang meratakan lekuk jangkitan," ungkap Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Rayuan Ketua Pengarah Kesihatan itu dilihat sebagai peniup semangat kepada anak buahnya, yang bertugas di barisan hadapan menentang pandemik COVID-19 yang ketika ini, merekodkan peningkatan kes di seluruh negara.

Biar pun catatannya ringkas, ungkapan itu mengundang rasa sebak netizen yang membanjiri akaun Facebook beliau, sambil meninggalkan kata-kata semangat dan melahirkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM).

Rayuan Dr Noor Hisham menyusul dalam suasana negara sedang berdepan peningkatan mendadak kes harian jangkitan COVID-19, yang merekodkan tiga angka sejak tiga hari lalu.

Penularan pandemik COVID-19 di Sabah, menyebarkan KKM terpaksa menghantar pasukan ban-



tuhan dari Semenanjung untuk membantu operasi saringan di negeri itu yang kini meliputi enam kluster dengan 10,000 penduduk perlu disaring.

Pasukan bantuan perubatan itu akan dihantar secara berfasa, demi membantu pasukan perubatan hospital yang terkesan akibat peningkatan kes COVID-19 di Sabah.

Petugas KKM di Semenanjung pula, berdepan penularan jangkitan berpunca dari Sabah dicegus mereka yang pulang dari bercuti dan menyertai kempen pilihan raya negeri itu yang kini menyebabkan peningkatan kes di

setiap negeri.

Dr Noor Hisham berkata, petugas KKM kini bersiap sedia menghadapi jangkitan peningkatan kes baharu COVID-19 dalam tempoh di antara seminggu hingga dua minggu akan datang.

Katanya, KKM kini lebih bersedia dari segi peralatan dan pengalaman merawat pesakit COVID-19, jika dibandingkan ketika penularan pandemik bermula Mac lalu.

Beliau berkata, jangkitan peningkatan kes adalah berdasarkan susulan pengesanan aktif di kawasan tumpuan terutamanya kawasan Perintah Kawalan Per-

gerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) di Sabah dan Kedah.

Katanya, pelaksanaan PKPDB bagi membendung jangkitan dan penularan COVID-19 dalam kawasan itu, membolehkan aktiviti pengesanan kes secara bersasar dilaksanakan sepanjang tempoh 14 hari.

"Aktiviti pengesanan sedang dijalankan di lapangan. Kita akan mendapat peningkatan kes yang tertumpu di kawasan itu. Kami jangka (kes baharu) akan meningkat dalam tempoh seminggu, dua minggu ini.

"Inilah tindakan kita dari mula lagi dan kita dapat lihat pengawalan kes jangkitan yang baik,"

katanya sambil berharap semua pihak bekerjasama mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta nasihat kesihatan yang dikeluarkan KKM.

Beliau berkata, KKM yakin kaedah kesihatan awam dapat memutuskan rantaian jangkitan seperti kejayaan negara menamatkan 101 kluster sebelum ini, yang menjadi kaedah terbaik mengawal penularan jangkitan kerana vaksin belum ditemui.

Selain menamatkan kluster penularan itu, Malaysia juga pernah merekodkan sifar kes penularan jangkitan harian di dalam negara pada 8 Julai lalu.

Kadar jangkitan 3 angka tiga hari berturut-turut

Kuala Lumpur: Dua lagi kluster baharu penularan pandemik COVID-19 dikesan di negara ini semalam, dengan kadar jangkitan tiga angka direkodkan selama tiga hari berturut-turut.

Semalam, sebanyak 293 kes baharu COVID-19 direkodkan Kementerian Kesihatan (KKM), menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 12,381 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes baharu semalam, membabitkan 292 penularan tempatan, masing-masing 269 rakyat tempatan dan 23 bukan warga negara, serta satu kes import.

"Seramai 28 pesakit dimasukkan ke dalam unit rawatan rapi

dengan empat daripada mereka memerlukan bantuan pernafasan, tetapi tiada kematian dicatatkan, hari ini (semalam).

"Ada 67 kes pulih hari ini, menjadikan jumlah kumulatif yang sembuh meningkat kepada 10,283 kes, iaitu 83.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, dua kluster baharu dikesan semalam, masing-masing di Sabah dan Selangor dengan punca jangkitan masih dalam siasatan.

Beliau berkata, Kluster Kau Sing dikesan di Tawau, Sabah, membabitkan kes indeks iaitu seorang lelaki warga tempatan berusia 29 tahun.

Ada 67 kes pulih hari ini (semalam), menjadikan jumlah kumulatif yang sembuh meningkat kepada 10,283 kes, iaitu 83.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

"Lelaki itu dikesan positif COVID-19 melalui saringan individu bergejala pada 25 September lalu, sebelum dimasukkan ke Hospital Tawau dan susulan itu, saringan kontak rapat dibuat yang menyaksikan enam lagi kes positif COVID-19 dikesan.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini, sejumlah 27 individu dalam kluster itu sudah disaring dengan tujuh daripada mereka disahkan positif dan dimasukkan ke Hospital Tawau, manakala sembilan negatif dan 11 lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Kluster Embun pula dikesan di Hulu Langat, Selangor; membabitkan kes indeks seorang lelaki

warga tempatan berusia 41 tahun yang disahkan positif COVID-19 melalui saringan pada 29 September lalu.

"Seramai 52 individu sudah disaring sehingga jam 12 tengah hari ini, dengan lima daripada mereka disahkan positif, manakala 21 negatif dan 26 individu masih menunggu keputusan.

"Lelaki terbabit dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, di sini. Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan empat lagi kes positif COVID-19 dikenal pasti. Semua kes positif ini membabitkan rakyat tempatan dan mereka juga dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19

Lima kluster aktif, dua baharu sumbang 293 kes koronavirus

Kuala Lumpur:

Sebanyak lima kluster aktif menyumbang kepada 293 kes baharu Covid-19 direkodkan semalam selain dua kluster baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, antara kluster yang merekodkan kes baharu adalah Kluster Tembok yang dilaporkan di Kedah dan Perak membabitkan 112 kes baharu.

"Dalam kluster itu, seramai 3,860 individu disaring dengan 58 daripadanya membabitkan individu bukan warganegara serta merekodkan satu kes kematian.

"Satu lagi kluster yang mencatatkan kes baharu hari ini (semalam) adalah Kluster Benteng LD dilaporkan di Sabah dengan 14 kes baharu menjadikan keseluruhan kes sebanyak 948 kes. Seramai 12,997 individu disaring.

"Daripada 948 kes dilaporkan bagi kluster itu,

381 kes membabitkan individu bukan warganegara," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Jalan Meru turut mencatatkan 14 kes baharu semalam menjadikan keseluruhan kes positif adalah 38 kes daripada 168 individu disaring.

"Selain itu, Kluster Bangau-Bangau di Sabah turut merekodkan 13 kes baharu menjadikan keseluruhan kes sebanyak 36 kes daripada 836 individu disaring.

"Kluster Bah Rose dilaporkan di Kedah dan Pulau Pinang pula mencatatkan satu kes baharu menjadikan keseluruhan kes sebanyak sembilan kes daripada 499 individu disaring.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti dua lagi kluster baharu Covid-19 semalam yang dilaporkan di Sabah dan Selangor.

Dr Noor Hisham berkata, kluster baharu pertama yang

dikenal pasti adalah Kluster Kau Sing berasal di Tawau, Sabah.

"Kluster bermula apabila seorang lelaki tempatan berusia 29 tahun yang dikesan positif melalui saringan individu bergejala pada 25 September lalu. Dia dimasukkan ke Hospital Tawau, Sabah.

"Susulan itu, saringan kontak rapat dilakukan sebelum mendapati enam lagi kes positif. Daripada tujuh (7) kes terbabit, lima kes adalah individu tempatan dan dua lagi kes membabitkan individu bukan warganegara yang sudah dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan. Sehingga jam 12 tengah hari tadi (semalam), seramai 27 individu disaring dengan tujuh individu didapati positif," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, satu lagi kluster baharu dikenal pasti adalah Kluster Embun yang dilaporkan bermula di Hulu Langat, Selangor.



PETUGAS barisan hadapan bersedia melakukan sanitasi di kawasan Penjara Alor Setar berikutan penularan Kluster Tembok.

KAKITANGAN Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu mengambil sampel darah seorang penduduk sewaktu mengadakan saringan ujian sampel darah RTK Antibodi untuk mengesan antibodi dalam badan berikutan penularan Covid-19 di Jeti Penambang ke pulau-pulau berhampiran, semalam.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : COVID-19

3 DIGIT 3 HARI

30 individu baru pulang dari Sabah disahkan positif Covid-19 dalam tempoh 24 jam

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Wabak Covid-19 yang 'menyerang' Sabah terus mencetuskan kekusaran apabila 30 individu yang baru pulang dari negeri itu disahkan positif Covid-19 dalam tempoh 24 jam semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka terbaru itu sekali gus menjadikan jumlah kes memiliki sejarah ke negeri itu adalah 206 kes sejak 20 September lalu.

Beliau berkata, jangkitan baharu Covid-19 terus mencatatkan angka tiga digit tiga hari apabila pihaknya merekodkan 293 kes semalam.

Ini menjadikan jumlah kes harian kedua tertinggi dicatatkan di negara ini yang mencatatkan keseluruhan 12,381 kes dengan 1,961 kes aktif.

Beliau berkata, hanya satu kes import dari Bangladesh dilaporkan membabitkan individu bukan warganegara di Kuala Lumpur manakala 292 lagi kes adalah penularan tempatan membabitkan 269 individu tempatan serta 23 individu bukan warganegara.

"Daripada jumlah itu, 126 kes dilaporkan di Sabah, Kedah (113 kes), Selangor (31 kes), Johor (lapan kes), Labuan (lima kes), Kuala Lumpur (tiga kes), Perak (dua kes), Putrajaya (dua kes), Negeri Sembilan (dua kes), Pulau Pinang (satu kes), Sarawak (satu kes) dan Kelantan (satu kes)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 28 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan empat kes memerlukan bantuan pernafasan. "Sebanyak

67 kes dilaporkan pulih hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah sebanyak 10,283 kes atau 83.05 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Tiada pertambahan kes kematian dilaporkan hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia kekal

sebanyak 137 kes atau 1.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.



“Tiada pertambahan kes kematian dilaporkan hari ini (semalam)”
Dr Noor Hisham

Giat tingkat sistem pemantauan Covid-19

Kota Tinggi: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) sedang bekerjasama bagi meningkatkan sistem pemantauan pandemik Covid-19 negara supaya tindakan lebih pantas dapat diambil untuk mencegah penularan virus berkenaan. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, kepantasan dan kecekapan sistem pemantauan Covid-19 bukan sahaja mampu

mengekang penularan wabak berkenaan, malah membolehkan negara merangka pelan keluar dari wabak itu dengan berkesan.

"Kerajaan bersetuju dengan saranan pakar epidemiologi dan wabak negara yang menyarankan supaya sistem pemantauan pandemik Covid-19 dipertingkatkan.

"KKM kini bekerjasama dengan WHO bagi meningkatkan kemampuan

sistem pemantauan kita supaya lebih bersepadu.

"Terdapat dua faktor penting yang menjadikan kaedah pengesanan Covid-19 di negara kita antara yang pantas, satunya adalah kebijaksanaan petugas barisan hadapan mengesan kes aktif, selain kesediaan serta kemampuan makmal kita menguji sampel wabak dengan pantas," katanya.

Media kelmarin melaporkan kerajaan disaran

menambah baik sistem pemantauan pandemik Covid-19 supaya tindakan lebih pantas dapat diambil untuk mencegah penularan virus berkenaan.

Pakar kesihatan awam dilaporkan berpendapat langkah itu wajar selaras keputusan kerajaan tidak bercadang melaksanakan kembali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) walaupun kes jangkitan Covid-19 semakin membimbangkan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

Siap sedia terima pesakit bukan Covid-19 dari HSB

Shah Alam: Semua hospital di Selangor diminta bersiap sedia menerima pesakit bukan Covid-19 dari Hospital Sungai Buloh (HSB).

Pengarah Kesihatan Selangor, Dr Sha'ari Ngadiman berkata, pihaknya sudah mengeluarkan surat rasmi bertarikh 2 Oktober lalu kepada semua pengarah hospital di negeri ini bagi memaklumkan perkara terbabit.

"Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) mengeluarkan surat pada 2 Oktober lalu kepada semua hospital di Selangor agar

bersiap siaga dan pihak hospital sudah ambil maklum akan perkara ini.

"Kita sudah melaksanakannya sebelum ini pada Mac lalu. Bila sudah reda, keadaan kembali kepada asal dan sekarang kes bertambah. Jadi, kini semua hospital sentiasa siapsiaga dalam perkara ini," katanya.

Menurutnya, dalam surat berkenaan, JKNS juga meminta HSB agar bersiap sedia bagi penukaran status dari Hospital *Hybrid* Covid-19 ke Hospital *Full* Covid-19 berdasarkan arahan diberikan.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

293 kes baharu dengan 12,381 kes positif

Tujuh kluster catat pertambahan kes

PUTRAJAYA - Tujuh kluster termasuk dua daripadanya kluster baharu antara yang menjadi penyumbang kepada kes harian semalam dengan 293 kes dilaporkan menjadikan jumlah kes positif sebanyak 12,381 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dua kluster baharu yang dikenal pasti itu membabitkan Kluster Kau Sing di Tawau, Sabah dan Kluster Embun di Hulu Langat, Selangor.

"Daripada jumlah kes hari ini (semalam), 292 kes adalah peneruan tempatan membabitkan 269 warga Malaysia dan 23 warga asing, manakala satu kes import melibatkan warga asing mengembara dari Bangladesh.

"Sebanyak 30 kes baharu hari ini (semalam) adalah pengunjung yang pulang dari Sabah menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke negeri tersebut sebanyak 206 kes sejak 20 September," katanya



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	293
Import: 1 Tempatan: 292	
• Pulih	67
• Kematian	0
• Masih dirawat	1,961
• Jumlah kes sembuh	10,283
• Jumlah Kematian	137
Jumlah kes keseluruhan	12,381

dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, kes Kluster Kau Sing membabitkan kes indeks seorang lelaki warga Malaysia berusia 29 tahun (kes ke-10,755) dikesan positif Covid-19

melalui saringan individu bergejala pada 25 September.

"Lelaki itu telah dimasukkan ke Hospital Tawau dan selepas saringan kontak rapat dijalankan, enam lagi kes positif Covid-19 dikenal pasti juga telah dimasukkan ke Hospital Tawau.

"Daripada tujuh kes dikesan positif, lima kes adalah warga Malaysia dan dua kes warga asing, manakala punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Noor Hisham berkata, bagi Kluster Embun pula membabitkan kes indeks seorang lelaki warga Malaysia berusia 41 tahun (kes ke-11,147) dikesan positif Covid-19 melalui saringan individu bergejala pada 29 September.

Katanya, lelaki tersebut telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dan empat lagi kes kesemuanya warga Malaysia dikesan positif selepas saringan kontak rapat dijalankan serta dimasukkan ke hospital sama.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Jangan leka, alpa amal normal baharu

KOTA TINGGI – Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba menasihatkan masyarakat di negara ini supaya tidak terus leka dan alpa mengamalkan norma baharu bagi mengekang penularan pandemik Covid-19.

Dr. Adham berkata, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac lalu, ramai rakyat sedar mengenai punca dan cara mengekang jangkitan virus tersebut.

Menurutnya, masyarakat ketika itu peka dan mendengar nasihat dengan mengamalkan penjagaan diri, mencuci tangan, menjaga jarak fizikal selain mengelak 3S iaitu kawasan sesak, sempit serta bersempang dalam jarak yang dekat.

“Namun, selepas kerajaan melonggarkan perintah kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), masyarakat dilihat mula mengabaikan dan amalan ini masih belum menjadi budaya. Rakyat kita sanggup berselesak-lesak ketika membeli-belah serta tidak memakai pelitup muka.

“Bagaikan tidak takut maut. Mereka lebih risau dengan peningkatan kes sehingga kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), sedangkan penjagaan kesihatan mereka alpa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Sesi Town Hall Pembudayaan Norma Baharu Di



DR. ADHAM

Dalam Komuniti bagi Mencegah Penularan Covid-19 di Desaru di sini semalam.

Dalam pada itu Adham turut menyatakan Kementerian Kesihatan mengaktifkan semula semua Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 berisiko rendah di seluruh negara kerana kes virus itu terus meningkat.

Fasiliti yang bakal dijadikan pusat tersebut ialah Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia dan premis lain yang diwartakan oleh Majlis Keselamatan Negara.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes positif kekal tiga angka

Sebanyak 293 kes baharu dilaporkan dalam tempoh 24 jam

KUALA LUMPUR

Jumlah kes koronavirus (Covid-19) menunjukkan sedikit penurunan dengan mencatatkan 293 kes baharu dalam tempoh 24 jam lepas setelah mencatatkan kes harian tertinggi sebanyak 317 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes tersebut melibatkan 292 kes penularan tempatan dan satu kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, melibatkan bukan warganegara yang mengembara dari Bangladesh.

"Daripada 292 kes penularan tempatan, 269 kes melibatkan warganegara Malaysia dan 23 kes adalah bukan warganegara.

"Daripada 292 kes tersebut juga, sebanyak 30 kes merupakan pengunjung

yang pulang dari Sabah menjadikan jumlah kes mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September sebanyak 206 kes," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan pandemik Covid-19 semalam.

Beliau berkata, tiada kematian berkaitan virus itu dilaporkan semalam.

Kes positif Covid-19 di Malaysia kini berjumlah 12,381 kes manakala kes aktif dengan kebolehan jangkitan sebanyak 1,961 kes yang semuanya telah diasingkan serta diberi rawatan.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini terdapat 28 kes yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) melibatkan empat kes memerlukan bantuan pernafasan.

Memperincikan kes semalam, Dr Noor Hisham berkata, Sabah kekal mencatatkan kes tertinggi dengan 126 kes, antaranya membabitkan 12 warganegara dan seorang bukan warganegara daripada Kluster Bangau-bangau, dua warganegara dan 12 bukan warganegara daripada Kluster Benteng LD serta empat



DR NOOR HISHAM

warganegara daripada Kluster Kau Sing (kluster baharu).

Beliau berkata, Kedah menjadi negeri kedua tertinggi dengan 113 kes, 112 daripada Kluster Tembok yang melibatkan warganegara manakala satu kes daripada Kluster Bah Rose melibatkan warganegara.

"Selangor pula mencatatkan 31 kes dengan 13 kes hasil saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah), 13 kes daripada Kluster Jalan Meru dan tiga kes melibatkan Kluster Embun dan dua saringan kontak rapat," katanya.

Johor pula mencatatkan lapan kes dengan enam daripadanya dikesan hasil saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) melibatkan warganegara. Satu kes saringan pulang ke negara asal yang melibatkan bukan warganegara dan satu kes saringan pekerjaan melibatkan bukan warganegara.

Di Labuan, lima kes dikesan daripada saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) melibatkan warganegara


Perkembangan Covid-19

- Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) secara pentadbiran dikuatkuasakan di kawasan Penjarra Alor Setar, Kedah, termasuk kuarters kakitangan, selama 14 hari bermula jam 12.01 tengah malam esok (6 Oktober).
- Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) ditutup sementara bermula hari ini hingga 7 Oktober berikutan seorang kakitangannya disahkan positif Covid-19.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan dua lagi kluster baharu Covid-19 iaitu Kluster Kau Sing di Tawau, Sabah dan Kluster Embun di Hulu Langat, Selangor.

gara manakala di Kuala Lumpur satu kes daripada Kluster Jalan Meru melibatkan warganegara dan satu kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) yang melibatkan warganegara.

Negeri Sembilan dan Perak masing-masing mencatatkan dua kes daripada saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) yang melibatkan warganegara. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM




AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Pusat kuarantin sedia diaktifkan

Adham (dua dari kanan) pada Sesi Townhall Pembudayaan Norma Baharu Dalam Komuniti Bagi Mencegah Penularan Covid-19 Bersama Pemimpin Combi di Desaru, Kota Tinggi semalam.



Jika berlaku trend peningkatan kes jangkitan Covid-19 dalam negara

Oleh NOR AZURA MD AMIN

KOTA TINGGI

Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah di seluruh negara akan diaktifkan serta-merta jika berlaku trend peningkatan kes jangkitan baharu wabak Covid-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sebanyak 36 pusat sedemikian telah dikenal pasti melibatkan

hospital kerajaan serta Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) selain pusat-pusat lain yang diwartakan Majlis Keselamatan Negara seperti Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di Serdang, Selangor.

“Pusat kuarantin itu dilengkapi sebanyak 3,467 katil bagi menampung pesakit yang berisiko rendah.

“Sekiranya ada pertambahan, kementerian akan berbin-bang dengan kementerian lain untuk menggunakan institut latihan mereka bagi menempatkan pesakit bergejala,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Penutup Sesi Townhall Pembudayaan Norma Baharu Dalam Komuniti Bagi Mencegah Penularan Covid-19

Bersama Pemimpin Combi di Desaru di sini semalam.

Sementara itu, Dr Adham memaklumkan sejumlah 16,000 sehingga 20,000 sampel Covid-19 diterima sehari berikutan peningkatan jangkitan baharu di Sabah, Kedah dan daripada mereka yang pulang dari kawasan berisiko tinggi.

Katanya, kementerian berkeupayaan untuk menjalankan ujian sampel sehingga 39,000 sehari yang dijalankan di 58 makmal di seluruh negara.

“Kesediaan makmal KKM membuat ujian adalah antara faktor Covid-19 dikesan dengan pantas di negara ini.

“Pendekatan diambil melalui ujian pengesanan terhadap mereka bergejala menjadikan negara kita berupaya mengesan virus ini lebih cepat,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2-3

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

MONDAY, OCTOBER 5, 2020 • NewStraitsTimes

NEWS / *Story of the Day*

1,961 ACTIVE CASES

293 NEW CASES, 2 NEW CLUSTERS IDENTIFIED

7 cases detected from Kau Sing cluster, 5 from Embun cluster, says Health D-G

NURADZIMMAH DAIM
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Health Ministry yesterday registered 293 new Covid-19 cases up to noon, bringing the cumulative number to 12,381.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there were 1,961 active cases who had been isolated and were undergoing treatment.

From the new cases, 292 were local transmissions (269 Malaysians and 23 foreigners) and one was an imported case detected in Kuala Lumpur involving a foreigner returning from Bangladesh.

He said of the 292 local transmissions, 30 involved those who had returned from Sabah, bringing the number of cases with travel history to the state since Sept 20 to 206.

Sixty-seven Covid-19 patients have recovered and were discharged yesterday, he said.

The overall number of patients who have fully recovered up to noon yesterday stood at 10,283 (83.05 per cent of the cumulative confirmed cases).

"Twenty-eight patients are in the Intensive Care Unit, four of whom require ventilator support," he said.

No new deaths have been reported to the Crisis Preparedness and Response Centre, with the death toll remaining at 137 (1.1 per cent of the cumulative cases).

Dr Noor Hisham said two new clusters were detected in Sabah and Selangor.

He said the Kau Sing cluster was detected in Tawau, Sabah, and index patient Case 10,755 was

a 29-year-old Malaysian man.

"He tested positive for Covid-19 through the screening process on those with symptoms on Sept 25 and was admitted to Tawau Hospital.

"Following this, screening on close contacts were done, with six positive cases detected. Of the seven cases, five of them are Malaysians and another two are foreigners. They are treated at the same hospital," he said, adding that 27 people had been screened in this cluster.

Nine of them tested negative and 11 others were awaiting results.

He said the Embun cluster was detected in Hulu Langat, Selangor, with the index patient (Case 11,147) being a 41-year-old Malaysian man who tested positive with the virus on Sept 29 after showing symptoms.

"Following this, screenings were conducted and four more cases were detected. All of the cases in this cluster are Malaysians and have been admitted to Sungai Buloh Hospital."

Up to noon yesterday, 52 people have been screened for Covid-19 in this cluster, with 21 people testing negative and 26 others awaiting results.

The cause of infection in the new clusters was under investigation, he added.

In total, 126 Covid-19 cases were linked to clusters in Sabah, namely the Bangau-Bangau cluster (12 Malaysians and a foreigner); Benteng LD cluster (two Malaysians and 12 foreigners); the Kau Sing cluster (two Malaysians and two foreigners); as well as 78 cases registered through symptomatic screenings (including 74 Malaysians); close-contact screening (12 Malaysians), two Malaysians following screening prior to starting work, one Malaysian suffering from Severe Acute Respiratory Illness, one (Malaysian) detected through community screening and one (foreigner) screened prior to hospital admission.

In Kedah, 113 Covid-19 cases



were registered from the Tembok cluster involving 112 Malaysians and one foreigner; and one (Malaysian) case from the Bah Rose cluster.

In Selangor, 31 Covid-19 cases were reported. Thirteen (Malaysians) were detected, through screening of travellers returning from a high-risk area (Sabah), 13 from the Jalan Meru cluster (all Malaysians), three (Malaysians) from the Embun cluster and two from close-contact screening (Malaysians).

In Johor, eight Covid-19 cases were reported, with six being returnees from Sabah (all Malaysians), one foreigner who underwent screening prior to deportation and one foreign worker who underwent screening before starting work.

In Labuan, five cases were detected through screening of those returning from Sabah (all Malaysians), while two cases were registered in Kuala Lumpur detected from the Jalan Meru cluster (one Malaysian) and screening done on travellers who returned from Sabah (one Malaysian). Negri Sembilan and Perak had two cases each (all Malaysians), all of whom were detected through screening of those who returned from Sabah.

Penang, Kelantan and Sarawak registered one new case each.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2-3
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

MONDAY, OCTOBER 5, 2020 . NewStraitsTimes

Story of the Day / NEWS | 3



Malaysian Maritime Enforcement Agency officers detaining foreigners on a vessel trying to enter the country illegally. PIC COURTESY OF HOME MINISTRY

Ministry prepared to reactivate low-risk quarantine centres

KOTA TINGGI: The Health Ministry is prepared to reactivate the low-risk quarantine and treatment centres nationwide if the number of new Covid-19 cases continues to rise.

Its minister, Datuk Seri Dr Adham Baba, said there were 36 centres, which mostly comprised the ministry's training institutes, that were ready to be reactivated nationwide.

"These centres have a total capacity of 3,467 beds. These centres were earlier deactivated when the number of cases declined," said Dr Adham.

He said the Health Ministry would also discuss with other ministries about converting their training institutes into similar centres if the need arose.

"There are 907 patients being treated at these centres, which means that only 26 per cent of the capacity is being used," said Dr Adham.

He said that the ministry would continue to boost surveillance and monitoring capabilities, to trace new cases quicker.

"Our system is working well

due to two factors, namely the wisdom of our frontliners and the efficiency of our laboratories," said Dr Adham.

He added that the country's laboratories, including private ones, could process 39,000 swab tests a day.

"We receive between 16,000 and 20,000 swab tests a day," said Dr Adham.



Datuk Seri Dr Adham Baba

He was speaking after officiating at the closing of a town hall on the new norms with Combi (Communication for Behavioural Impact) leaders here. Present was Johor Health director Dr Aman Rabu.

Dr Adham said the ministry would use Combi teams, which were usually used to combat dengue fever, to raise awareness and educate the community about the Covid-19 new norms.

"There are 3,016 Combi teams nationwide involving 26,379 volunteers.

"We will use them to promote and raise awareness of Covid-19 standard operating procedures and the new norms."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Nation 3

Anti-dengue campaign paying off in Johor

JOHOR BARU: The drop in the number of dengue cases in the state is due to stricter enforcement after the Johor Fights Against Dengue 2020 campaign, says state Health director Dr Aman Rabu.

He said the campaign, launched on Aug 29, had been successful with weekly reported cases showing a downward trend, with 261 cases reported in the 39th epidemiological week compared to 279 cases the week before.

He said the individual premises enforcement operation was among the activities carried out under the Destruction of Disease-Bearing Insects Act 1975.

The move, he said, was aimed at creating public awareness about the joint responsibility in preventing dengue outbreaks.

"The integrated operation involving other agencies like the local authorities and police and, so far, 49 such operations have been carried out statewide.

"If Aedes breeding spots are found in the premises, a compound of RM500 will be imposed while a fine of up to RM10,000 or a jail term not exceeding two years or both will be imposed by the court for failure to pay the compound," he said in a statement yesterday.

Dr Aman noted the Health Department had conducted enforcement activities in the dengue outbreak area of Taman Perling after residents there refused to give their full cooperation and allow inspections to be carried out despite the area having recorded 219 cases since Sept 26.

"In the operation conducted (yesterday), a total of 177 health personnel statewide were mobilised and 1,507 premises checked.

"Of the total, 20 (1.3%) premises were found to have Aedes breeding receptacles.

"In public places, we also found 25 such receptacles, including discarded plastic containers and flower pots, as well as another 1,461 receptacles with the potential of being Aedes breeding spots," he said.

A total of 9,396 dengue cases involving 35 deaths have been reported in Johor from Jan 1 to Sept 30. — Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

THE STAR, MONDAY 5 OCTOBER 2020

Nation 5

Reports by MAZWIN NIK ANIS, FARIK ZOLKEPLI, SARBAN SINGH, MARTIN CARVALHO, HEMANANTHANI SIVANANDAM, REBECCA RAJAENDRAM, MOHD FARHAAN SHAH, REMAR NORDIN and VENESA DEVI

Infections stand at three digits

Sabah and Kedah now have the highest number of Covid-19 cases

PETALING JAYA: Sabah and Kedah, the two states currently with the highest number of Covid-19 cases, have continued to record triple digit infections.

Sabah and Kedah made up most of the 293 new cases recorded yesterday, with 126 and 113 cases respectively, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

In Kedah, out of the 113 cases, 112 were from the Tembok cluster in the Alor Setar prison, which will be put under targeted enhanced movement control order starting tomorrow.

The other remaining case in Kedah was from the Bah Rose cluster.



In Sabah, out of its 126 new cases, 31 were from across three different clusters, while 78 were detected from screening of symptomatic individuals, 12 from close contact screening and two from workplace screening.

The remaining three cases involved a Severe Acute Respiratory Illness case, a community screening case and a hospital ward

screening case.

Meanwhile, Selangor had 31 cases, Johor had eight, Labuan had five and Kuala Lumpur had three while Perak and Negri Sembilan each had two.

Penang, Kelantan and Sarawak had one new case each.

Yesterday, two new clusters were also detected – the Kau Sing cluster in Tawau, Sabah and the Embun cluster in Hulu Langat, Selangor.

The new clusters brought the total number of active clusters in Malaysia to 34, of which most were in Sabah, Kedah and Selangor.

Dr Noor Hisham said the index case for the Kau Sing cluster was a 29-year-old man detected to be Covid-19 positive following a

screening for symptomatic individuals on Sept 25.

“He was then admitted to Hospital Tawau. Following that, close contact screening was carried out and six more Covid-19 cases were identified and also admitted to Hospital Tawau,” he said in a press statement yesterday.

For the Embun cluster, Dr Noor Hisham said the index case was a 41-year-old man who tested positive for Covid-19 via a screening for symptomatic individuals on Sept 29.

He was admitted to Hospital Sungai Buloh and close contact screening detected another four positive cases linked to him.

“All of these positive cases

involved Malaysians and they were also admitted to Hospital Sungai Buloh for treatment,” he said.

The cause of transmission for both clusters remains under investigation.

Dr Noor Hisham also said that yesterday, 67 patients had recovered with a total of 10,283 recoveries made or 83.1% out of the overall number of cases since the Covid-19 outbreak began.

The death toll remained at 137 or 1.1% out of the total number of cases.

There are now 1,961 active cases being treated at the country's health facilities, with 28 patients in the intensive care units and four of them requiring ventilator support.

Alor Setar prison locked down for 14 days

KUALA LUMPUR: The Alor Setar prison in Kedah was placed under targeted enhanced movement control order (MCO) for 14 days following a rise in Covid-19 infections there.

“Throughout the period, movement into and out of the prison is prohibited.

“Also, family members of prison inmates are not allowed to visit them for now,” said Senior Minister (Security) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The targeted enhanced MCO would enable contact tracing to be done, he said.

Yesterday, the Health Ministry said that 113 new Covid-19 cases were detected in Kedah, out of which 112 infections came from the Tembok cluster.


The cluster emerged on Sept 30 when a 46-year-old Malaysian worker contracted the Covid-19 virus and subsequently died of the disease.

As of yesterday, the cluster had 429 cases mostly involving detainees.

Ismail Sabri said the targeted enhanced MCO would be in effect for 14 days from 12.01am on Tuesday.

In a statement yesterday, he also said that police issued compounds to 345 people for breaching the recovery MCO while 60 others were remanded and 28 released on police bail on Saturday.

Among the offences committed were not wearing face masks and not practising physical distancing,



No way in: A view from outside the Alor Setar prison in Jalan Sultanah, Alor Setar, Kedah, where hundreds of detainees have been infected with Covid-19. — GC TAN/The Star

he added.

He said the compliance operation task force led by the police conducted 39,362 checks nationwide on Saturday.

“Among the locations inspected were supermarkets, restaurants and banks,” he said.

On Ops Benteng, Ismail Sabri said 76 illegal immigrants and a smuggler were detained on Saturday.

“A total of 101 roadblocks were conducted nationwide,” he noted.

“The authorities will also tighten security at all border checkpoints

and secret passages.”

On a separate matter, Ismail Sabri said 10,216 public sanitisation operations had been conducted since March 30.

The sanitisation was carried out at places such as housing estates and business centres.

‘Schools should provide masks, sanitisers for needy pupils’

SEREMBAN: With the number of Covid-19 cases on the increase again, schools should start providing face masks to needy students, according to MCA Civil Society Movement bureau chief Ng Kian Nam.

Ng said the Education Ministry should also consider distributing hand sanitisers to these schools, to effectively help check the spread

of the novel coronavirus.

Based on feedback, only a small number of students could afford to buy face masks, said Ng.

“During a recent visit to two Tamil vernacular schools with friends from MIC, we were told that only 10% of the pupils could afford face masks.

“Although the ministry has not made wearing face masks compul-

sory, we hope schools can provide the masks to the students as we are concerned about the increasing number of cases,” he added.

Ng said MCA members from Rasah and Seremban – along with their friends from Rasah MIC – distributed 500 pieces of children's masks and 200 adult ones to SJK (T) Ladang Labu Div 1 and SJK (T) Ladang Kirby.

Each school also received a thermal scanner.

The items came from an anonymous donor who had also donated the same to a Chinese vernacular school, Ng said.

Ng appealed to any individual or organisation which had the financial means to come forward and donate face masks and sanitisers to these schools.

Let's flatten the curve again, says Noor Hisham

PETALING JAYA: With the number of Covid-19 cases on the rise, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah rallied frontliners to continue fighting the virus.

“To all our frontliners, we have a huge battle ahead of us.

“Our country depends on us despite many sleepless nights and chronic fatigue. Wipe your tears, chin up, eyes forward. Let's flatten the curve again,” Dr Noor Hisham posted on Twitter.

“Our country depends on us despite many sleepless nights and chronic fatigue. Wipe your tears, chin up, eyes forward. Let's flatten the curve again.”

Dr Noor Hisham Abdullah

Malaysia saw a high number of cases in two consecutive days with 317 new infections on Saturday. On Friday, there were 287 cases.

But Dr Noor Hisham said Health authorities were stepping up efforts to detect cases and bracing for a spike in the number of positive cases in the days ahead.

Four districts in Sabah, namely Lahad-Datu, Tawau, Kunak and Semporna, are under the targeted enhanced movement control order with Health authorities conducting aggressive screening.

Dr Noor Hisham said the ministry was expecting to see an increase in cases in the next few days as field activities were focused on those areas.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Treatment centres available

Minister: Only critical patients will be sent to hospitals

By REMAR NORDIN
and MARTIN CARVALHO
newsdesk@thestar.com.my

KOTA TINGGI: The Health Ministry is prepared to open up all its 118 training institutes nationwide as Covid-19 quarantine and treatment centres should cases continue to escalate.

Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said so far, 36 training institutes in government hospitals with 3,467 beds had been reopened and gazetted by the National Security Council to treat low-risk Covid-19 cases.

"There are some 907 patients in these 36 facilities. This means that we have used some 26% of our total bed capacity.

"These facilities were closed after we managed to flatten the curve (the first time). But we are prepared to reopen them if necessary – just like how we opened up the temporary hospital at the Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS) in Serdang," he told reporters after a Covid-19 community event in Desaru yesterday.

Only patients with moderate symptoms or critical cases would be sent to hospitals, said Dr Adham.

"We have 40 hospitals gazetted as Covid-19 treatment hospitals such as the Queen Elizabeth Hospital in Kota Kinabalu and Tawau Hospital.

"These hospitals are equipped with personal protective equipment for frontliners, as well as ventilators and other facilities," he said.



Token of appreciation: Dr Adham (centre) presenting a certificate to national Combi committee chairman Isa Paksun (left) during a town hall session in Kota Tinggi. Also present is Johor health director Dr Aman Rabu. — Bernama

The ministry, added Dr Adham, was collecting about 16,000 to 20,000 Covid-19 samples each day following the spike of infections in several states.

"We have 58 labs in the country, with the capacity to test up to 39,000 samples," he said, adding that about 20 million people had also registered to use the contact tracing app, MySejahtera, with one billion check-ins recorded nationwide.

In Selangor, it was reported that hospitals in the state had been ordered to be on standby to receive non-Covid-19 patients following the increase in cases. This comes as the status for Hospital Sungai Buloh, the country's main Covid-19 medi-

cal treatment facility, is being changed from a "hybrid Covid-19 hospital" to "a full Covid-19 hospital" in anticipation of an influx in the number of patients.

An online portal reported that a letter from Selangor health director Dr Sha'ari Ngadiman had reminded all hospitals in the state to be prepared to take in non-Covid-19 patients from Hospital Sungai Buloh.

"We hope you will cooperate to ensure clinical services are not affected and operate smoothly," Dr Sha'ari was quoted as saying.

Hospital Sungai Buloh was designated a Covid-19 hospital in March when the first wave hit the nation. Selangor Task Force For Covid-19

head Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the health authorities were merely taking preparatory steps in anticipation of an escalation in the number of cases.

"This is more of an administrative matter and a standard operating procedure to decant non-Covid-19 patients from Hospital Sungai Buloh to nearby hospitals.

"This will provide more space and facilities at Hospital Sungai Buloh," said the former health minister.

Dr Dzulkefly said a similar move was carried out earlier this year during the country's first Covid-19 wave.

"At that time, we even requested some private hospitals to take in patients aimed at freeing up more space in Hospital Sungai Buloh for Covid-19 cases.

"Let's hope we don't come to that," he said, adding that the health authorities were currently better prepared to handle Covid-19.

On Saturday, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said that there were 40 hospitals and 34 centres for low-risk Covid-19 quarantine and treatment, with a capacity of 5,674 beds.

There are also 437 intensive care unit beds and 1,505 ventilators available, with the current utilisation rate of beds in Covid-19 hospitals at 24%.

Watch the video
TheStarTV.com

